Badan Peguam Malaysia
Malaysian Bar

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

Circular No 401/2026
Dated 6 Nov 2026

To Members of the Malaysian Bar

Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 5 Tahun 2026
Penangguhan Kes

The Chief Judge of Malaya, YAA Datuk Seri Hashim b Hamzah, has issued a practice direction titled "Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 5 Tahun 2026 | Penangguhan Kes" ("Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 5/2026") dated 22 Oct 2026.

This practice direction prescribes the handling of applications for adjournment of cases scheduled for trial before all High Courts and Subordinate Courts in Peninsular Malaysia and will take effect on **15 Nov 2026 (Sunday)**.

Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 5/2026 is accessible here (see page 2 onwards) for your reference.

Thank you.

R Jayabalan
Secretary
Malaysian Bar

HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Ruj. Kami: (22) PKPMP.PHBM.600-2/3/1

Tarikh: 22 Oktober 2026

YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen Malaya

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya

Majistret
Mahkamah Majistret Malaya

ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA
BILANGAN 5 TAHUN 2026
PENANGGUHAN KES

Setelah berunding dengan YAA Ketua Hakim Negara, saya mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi penetapan berhubung dengan penangguhan kes yang telah ditetapkan untuk perbicaraan di semua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia.

PEMAKAIAN

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi semua kes jenayah dan sivil yang telah ditetapkan untuk perbicaraan di semua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia.

PENANGGUHAN KES

3. Semua kes yang telah ditetapkan untuk perbicaraan hendaklah diteruskan sebagaimana yang dijadualkan dan tidak boleh ditangguhkan oleh Mahkamah kecuali dalam keadaan yang benar-benar tidak dapat dielakkan.

4. Sekiranya kes terpaksa ditangguhkan pada hari yang telah ditetapkan untuk perbicaraan, kes tersebut hendaklah diambil alih oleh mana-mana YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman dan semua Pegawai Kehakiman yang lain untuk didengar pada hari yang sama. Sekiranya tiada YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman dan Pegawai Kehakiman yang lain yang boleh berbuat demikian, kes tersebut hendaklah ditetapkan dan didengar pada tarikh yang terawal di hadapan YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman dan Pegawai Kehakiman yang asal.

5. Sekiranya permohonan penangguhan perlu dibuat oleh pihak-pihak atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, permohonan penangguhan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh yang munasabah dan pihak-pihak berkenaan hendaklah dimaklumkan seawal mungkin dan tarikh baharu hendaklah ditetapkan pada tarikh yang paling awal dan sesuai.

6. Sebarang permohonan penangguhan oleh pihak-pihak pada hari perbicaraan tidak boleh dibenarkan kecuali atas alasan yang benar-benar tidak dapat dielakkan seperti masalah kesihatan atau ketidakhadiran saksi penting dan tarikh baharu yang ditetapkan hendaklah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

7. Pematuhan terhadap arahan ini adalah bagi memastikan akses kepada keadilan dapat diberikan dalam tempoh yang munasabah serta memastikan pengurusan dan perjalanan perbicaraan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, teratur dan berkesan.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

8. Arahan amalan ini mula berkuat kuasa pada **16 November 2026** dan dibaca bersama Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil.1/2019 Penangguhan Kes.

DATUK SERI HASHIM BIN HAMZAH
Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Badan Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perundangan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pengarah
Bahagian Penyelidikan
Pejabat Ketua Hakim Negara
Putrajaya

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya